

Peralihan tampuk kuasa kukuh pengaruh Umno

BH 15 JAN 2003

KUALALUMPUR: Persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari arena politik dan juga sebagai Perdana Menteri bukan bermakna berakhirnya pengaruh Umno kerana proses peralihan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berjalan lancar berbanding tiga Timbalan Perdana Menteri sebelum ini.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata keseluruhan ahli Umno berpuas hati dengan pengganti Dr Mahathir itu tetapi dalam masa yang sama, soal pemimpin mana yang akan mengisi hierarki parti di bawah pimpinan Abdullah turut mendapat perhatian ramai.

"Perkara ini menjadi spekulasi ketika ini dan yang perlu kita lakukan ialah menunggu sehingga Abdullah menjadi Perdana Menteri, sekali gus menjawab pertanyaan itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di Persidangan Tinjauan Strategik Masa Depan Malaysia 2003 di sini, semalam.

Abdullah berkata, prestasi Umno amat baik sejak pilihan

raya umum 1999.

Katanya, pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak akan memberi kesan besar pada pilihan raya umum akan datang mahupun dalam pembentukan pentadbiran baru apabila Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas Oktober ini.

"Namun jangan pandang ringan Anwar kerana dalam politik segala-galanya tidak mustahil," katanya.

Abdullah berkata, Barisan Nasional (BN) sendiri sedang menguruskan perubahan.

"Parti komponen kedua terbesar BN, MCA, sedang membuat peralihan kuasa manakala MIC mungkin sedang ke arah itu.

"Walaupun perebutan kepimpinan kadang kala dilihat sengit, sejarah membuktikan keadaan itu dapat dikawal dengan baik oleh parti memerintah," katanya.

Beliau berkata, berbeza dengan parti pembangkang yang mengharapkan peluang lebih baik apabila berlakunya peralihan kuasa itu.

"Sava fikir mereka (membangk-

kang) akan kecewa. Seperti apa yang saya tulis dalam kolum saya di akhbar, Terengganu belum pasti akan terus menjadi milik Pas tetapi Kelantan mungkin terus dikuasai parti itu.

"Hari ini, Dr Mahathir berada di Kelantan bagi menyelamatkan negeri itu. Saya tidak kata, tidak ada apa yang dilakukan Umno Kelantan. Mereka sudah mengambil tindakan sewajarnya tetapi belum memadai.

"Dengan peraturan baru pilihan raya dan persempadanan semula, tidak mustahil untuk Umno menang beberapa kerusi di Kelantan," katanya.

Abdullah berkata, kemenangan Pas di Terengganu pada 1999 disebabkan undi protes dan perkara itu sedang ditangani. Sekiranya Umno Terengganu meletakkan calon baru yang berkaliber tinggi, BN berpeluang cerah untuk menang.

Katanya, di Kedah, Perlis dan beberapa kawasan di Pahang, Pas menaruh harapan untuk menang dalam pilihan raya akan datang. Namun Pas mungkin dikecewakan kerana lebih ramai pengundi sekarang cenderung memilih arus perdana.